

06 JUL 1996
Mahathir-S46
S46 PERLU BUBAR SEBELUM SERTAI UMNO

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Parti Melayu Semangat 46 (S46) perlu dibubarkan terlebih dahulu sebelum anngotanya menyertai Umno bagi mengelakkan parti itu daripada diperalatkan untuk kepentingan politik sesuatu pihak.

"Kita berpendapat adalah lebih baik dibubarkan S46...seperti Datuk Asri (Muda, bekas presiden PAS yang kemudian menubuhkan Hamim) tidak dapat bubarkan Hamim kerana Hamim diperalatkan oleh orang tertentu untuk kepentingan mereka.

"Kita faham ada usaha oleh pihak di luar S46 supaya dapat dikekalkan Angkatan Perpaduan Ummah," kata Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Beliau berkata Pas mahu supaya S46 terus wujud dan APU dikekalkan.

"Kita juga sedar ada usaha Pas untuk menarik anggota S46 untuk menganggotai Pas dan mereka yang berkepentingan nampaknya mirip untuk menyertai Pas supaya kedudukan mereka tidak terjejas," katanya.

Dengan itu katanya, tidak semua anggota S46 akan menyertai Umno.

"Bagi kita itu tidak menjadi masalah, kita akan terima mereka," kata Mahathir.

Beliau berkata kemasukan anggota S46 adalah sama seperti kemasukan anggota lain dan Umno akan menerima mereka demi perpaduan Melayu.

"Kedudukan mereka dalam Umno adalah sama dengan kedudukan anggota Umno yang lain dan mereka berhak untuk bertanding bagi memegang apa-apa jawatan asalkan mereka dapat sokongan daripada anggota Umno.

"Ini tidak bermakna bahawa mereka akan menjadi satu faction (puak) iaitu faction 46... dalam Umno tidak ada faction dan kita tidak hendak diadakan faction sama ada berasaskan kepada individu ataupun berasaskan parti," katanya

Mengenai kerjasama antara Umno dan S46 di Kelantan, Dr Mahathir berkata soal itu tidak timbul.

"Kalau S46 nak kekalkan dirinya tapi nak sokong calon Umno... kita terimalah sokongannya tapi kita tidak sokonglah calon dia," katanya. --

BERNAMA

NJ MAI